

# Menyediakan Penjagaan



Hidup dengan Demensia:  
Kit Sumber untuk Penjaga



Supported by QIC

# Bagaimanakah kit ini boleh membantu anda?

Kit ini terdiri daripada siri 4 buku kecil. Buku tenang Penyediaan Penjagaan ini akan memberi anda maklumat penting, petua praktikal, aktiviti dan risalah tentang demensia untuk menyokong anda dalam menjaga orang tersayang yang menghidap demensia.

Kit ini direka untuk penjaga seperti anda bagi mendapatkan petua berkomunikasi yang berkesan dengan orang tersayang, cara merancang rutin harian dengan melibatkan aktiviti dan menguruskan demensia seiring dengan kemajuan secara berperingkat dan lain-lain. Ini membolehkan anda mengatasi masalah yang anda hadapi dengan lebih baik dalam persediaan pengasuhan, dan memastikan orang tersayang mendapat penjagaan yang terbaik.

Walaupun demensia tidak ada penawar, ada kemungkinan untuk memperlambat perkembangannya melalui aktiviti, terapi dan ubat-ubatan. Ingatlah bahawa anda tidak sendirian dalam persediaan pengasuhan ini.

Sekiranya anda mengenali seseorang yang mungkin memerlukan bantuan atau ingin mengetahui lebih lanjut mengenai sokongan dan perkhidmatan untuk demensia, hubungi kami di [enquiries@aic.sg](mailto:enquiries@aic.sg) atau di talian penting Agensi Penjagaan Bersepadu (AIC), **1800 650 6060**.

Kami menghargai maklum balas anda mengenai buku kecil ini. Kami berharap anda dapat meluangkan masa untuk melengkapkan soal selidik yang pendek melalui kod QR ini.  
Terima kasih.



# Kandungan

<b>1. Memahami Cabaran Berkomunikasi</b>	<b>2</b>
<b>2. Petua Komunikasi</b>	<b>4</b>
<b>3. Merancang Rutin Harian</b>	<b>8</b>
<b>4. Aktiviti yang Melibatkan Orang Tersayang Anda yang Menghidap Demensia</b>	<b>10</b>
• Melibatkan mereka dalam menguruskan rumah	
• Autobiografi - Meninjau pengalaman mereka	
• Aktiviti yang mengenang kembali	
• Seni & Kraftangan - Sambung lukisan	
• Seni & Kraftangan - Gelang manik berangkai	
• Senaman	
• Sesi Penjagaan Deria	
<b>5. Diet dan Pemakanan</b>	<b>28</b>
• Diet - Makan yang menyihatkan	
• Makan dengan baik	
• Minum cecair yang cukup	
<b>6. Menguruskan Perubahan Tingkah Laku</b>	<b>31</b>
• Kegelisahan dan bertindak kasar	
• Punca perubahan tingkah laku	
• Mengurus perubahan tingkah laku	
• Menguruskan tingkah laku semasa waktu makan	
• Menguruskan tingkah laku suka merayau	
• Tingkah laku berubah waktu petang hingga malam (“Sundowning”)	
<b>7. Menguruskan Demensia Melarat</b>	<b>44</b>
• Penjagaan akhir hayat	
• Menjelang akhir hayat	
• Penjagaan profesional	



# 1. Memahami Cabaran Berkomunikasi

**“ Saya mengalami demensia. Saya mungkin tertidur pada waktu tengah hari. Saya mungkin bertindak balas dengan cara luar biasa. Saya hanya minta anda cuba untuk memahami. Inilah hakikat baru saya. Hidup di saat-saat yang saya masih ada. Fokus pada saya, bukan otak saya yang sudah pudar. ”**



Demensia boleh menjadai kemampuan orang tersayang berkomunikasi. Mereka mungkin berkomunikasi atau berinteraksi berbeza daripada sebelumnya. Menggunakan pendekatan MESRA dan MENYAYANGI (rujuk ke halaman 30 dalam buku pertama Mengenali Demensia) adalah apabila anda bertemu pesakit demensia. Ia bukan satu keadaan yang beliau pilih untuk mengalaminya.

## **Peringkat Awal**



- Mampu berbual dengan yang bermakna walaupun sukar untuk menuturkan kekata tertentu.
- Mampu berkomunikasi dalam interaksi untuk waktu yang singkat walaupun sukar berfungsi dalam persekitaran yang lebih panjang.
- Sukar mengikuti perbualan panjang.
- Boleh faham apa yang dikatakan, tetapi lupa selepas beberapa ketika.
- Berjenaka dan kata-kata sindiran boleh membingungkan dan dapat cetuskan rasa sensitif.
- Merasa tertekan dengan rangsangan yang berlebihan.

## **Peringkat Sederhana**



- Mampu ikut arahan mudah.
- Boleh memahami maklumat bertulis kata demi kata.
- Payah mengikuti perbualan.
- Mengulang apa yang sudah dicakapkan/ditanya.
- Sekiranya interaksi terlalu mendesak, pesakit demensia boleh menarik diri daripada berinteraksi.
- Perubahan keperibadian dan tingkah laku, kecurigaan dan khayalan boleh menghalang perbualan yang berfaedah.

## **Peringkat Melarat**




- Menghadapi kesukaran komunikasi secara lisan kerana kurang perbendaharaan kata.
- Perbualan mungkin tidak lengkap atau hanya beberapa perkataan.
- Perbualan mungkin terhenti.
- Berkommunikasi dan berkata-kata dengan cara yang jarang dilakukan.
- Perbendaharaan kata digunakan dengan bahasa asas dan mudah.
- Interaksi semakin kurang dah mungkin sekali sekala.
- Mereka mungkin tidak menyedari perbualan yang ditujukan kepada mereka. Tanpa disedari bertutur dalam bahasa asal atau bahasa ibunda mereka.



## 2. Petua Komunikasi

Interaksi boleh menjadi cabaran antara anda dengan orang tersayang. Oleh itu, penting untuk saling memahami, fahami bahasa gerak-geri mereka, mengajukan soalan dengan jelas, dan mencari jalan persamaan ketika anda berkomunikasi. Komunikasi bukan lisan melalui pancaindera berlainan akan menjadi lebih penting bila masa berlalu.





## Komunikasi Lisan

### Dekati mereka dengan berhati-hati

Cuba mengetuk pintu atau meminta kebenaran mereka sebelum anda masuk.



## Komunikasi Tanpa Lisan

### Penglihatan

- Pilih bilik yang tenang dengan cahaya semula jadi. Gunakan cahaya kelam supaya bayangan dan silau dapat dikurangkan.
- Sediakan panduan visual dengan informasi. Tunjukkan atau sentuh benda yang anda mahu mereka gunakan atau beritahu.
- Sekiranya anda tidak faham apa yang dimaksudkan, suruh mereka tunjuk atau beri gerak isyarat. Nota bertulis juga boleh membantu.
- Perhatikan bahasa gerak geri mereka. Tidak mengapa jika anda tidak tahu apa yang harus dibuat atau dikatakan; kehadiran anda tanda sokongan paling penting kepada orang tersayang.

### Sentiasa perkenalkan diri anda kepada mereka

Bercakap bersemuka dengan orang tersayang. Dekati mereka dari depan supaya mereka menyedari kehadiran anda.

### Pendengaran

Muzik boleh mencetuskan kenangan, meningkatkan mood dan mendorong mereka. Anda boleh bermain muzik lembut, menenangkan dan santai, lebih baik lagi jika anda memilih muzik orang tersayang.



## Komunikasi Lisan

### Layani orang tersayang dengan menjaga maruah mereka dan rasa hormat

- Anda boleh merendahkan diri apabila bercakap ketika orang tersayang itu sedang duduk.
- Elak bercakap dengan melihat ke bawah atau berpaling muka seolah-olah beliau tidak ada di depan mata.
- Pastikan bertentang mata sebanyak mungkin dan tunjukkan anda faham ekspresi dan kata-kata mereka.
- Membuat mereka selesa dan yakin boleh galakkan mereka bersikap lebih terbuka kepada anda.



## Komunikasi Tanpa Lisan

### Bau

Harumkan bilik dengan minyak pati lavender dan lemon. Wangian ini terbukti dapat mengurangkan keresahan dan kegelisahan.

## Permudahkan percakapan

- Cakap dengan perlahan dan jelas. Pastikan nada suara anda tenang dan sabar ketika bercakap.
- Elakkan perbualan panjang yang memerlukan pemikiran yang kompleks. Tanya satu soalan pada satu masa. Terlalu banyak soalan boleh membebankan.
- Tanyakan soalan yang dapat dijawab dengan “ya” atau “tidak.”
  - Tanya, “Mak mahu kopii?”
  - Elakkan bertanya, “Mak mahu minum apa?”

## Sentuhan

- Usah meremehkan kuasa sentuhan kasih sayang. Penjagaan Namaste (Namaste Care) ialah cara untuk berhubung dengan orang tersayang dengan menunjukkan kasih sayang dan prihatin melalui urutan tangan yang lembut.
- Untuk mengetahui lebih lanjut tentang Penjagaan Namaste, layari [www.for.sg/namastecareaic](http://www.for.sg/namastecareaic) atau imbas kod QR.





## Komunikasi Lisan

### Pastikan ruang fizikal mereka selesa dan tenang

Berbual dengan mereka secara satu per satu dalam persekitaran yang kurang gangguan.

### Manfaatkan daya penglihatan dan pendengaran

Pastikan cermin mata digunakan dengan betul dan cahaya mencukupi. Pastikan juga alat pendengaran berfungsi dan gigi palsu digunakan supaya boleh berbual dengan jelas.



## Komunikasi Tanpa Lisan

### Bersabar

- Luangkan masa untuk mendengar dan perhatikan gerak isyarat, riak wajah dan isyarat badan oleh orang tersayang untuk lebih memahami keadaan dia rasakan, firikan atau perlukan.
- Beri mereka masa untuk menjawab. Jangan ganggu atau habiskan ayat kecuali mereka minta bantuan habiskan ayat.

Layari [www.nhs.uk/conditions/dementia/communication-and-dementia](http://www.nhs.uk/conditions/dementia/communication-and-dementia) atau imbas kod QR ini untuk maklumat lanjut mengenai petua komunikasi dengan orang yang hidup bersama demensia.



Layari [www.dementia.org.sg/wordshurt/](http://www.dementia.org.sg/wordshurt/) atau imbas kod QR untuk mempelajari lebih lanjut tentang Panduan Bahasa untuk Demensia.





### 3. Merancang Rutin Harian

Orang tersayang mungkin menghadapi kesukaran melakukan tugas rutin harian apabila demensia semakin melarap, jadi merancang rutin harian adalah cara yang baik untuk menyediakan mereka dengan peraturan. Merancang aktiviti yang mereka seronok lakukan dapat membantu mengurangkan kegelisahan dan membuat mood orang tersayang bertambah baik.


**Berikut adalah beberapa aktiviti harian yang boleh dipertimbangkan:**



**Kerja rumah**



**Waktu makan**



**Penjagaan diri**



**Aktiviti kreatif**



**Aktiviti mental**



**Aktiviti fizikal**



**Aktiviti sosial**



**Aktiviti kerohanian**

Sebelum merancang rutin harian, pertimbangkan berikut:

- ✓ Kegemaran mereka, yang tidak disukai, kekuatan, kebolehan dan minat mereka
- ✓ Bagaimana orang tersayang biasanya merancang harinya
- ✓ Masa-masa orang tersayang berasa lebih sedar akan suasana sekeliling
- ✓ Masa yang sesuai untuk beri makan, mandi, dan kenakan pakaian orang tersayang
- ✓ Aturkan tabiat tidur yang baik dengan bangun dan tidur pada waktu yang tetap

Layari [www.for.sg/managingcareroutine](http://www.for.sg/managingcareroutine) atau imbas kod QR ini untuk maklumat lanjut mengenai pengurusan rutin penjagaan.



## Contoh rutin harian yang sesuai untuk demensia peringkat awal hingga sederhana:

Pagi	Tengah Hari	Petang
Mandi, gosok gigi, berpakaian untuk pergi pasar atau kedai kopi	Membantu menyediakan makanan (cth: Memetik atau mencuci sayur, mengupas kulit kentang)	Mandi
Sediakan makanan, bersarapan, dan bersihkan dapur	Makan tengah hari dan basuh pinggan manguk	Sediakan makanan dan makan malam, dan bersihkan dapur
Minum kopi dan berbual	Bergaul dengan orang lain	Main kad, tonton program TV kegemaran mereka atau berurut
Mencuba kraftangan (cth: Lipat origami), atau mengenang kembali dengan melihat-lihat foto lama	Dengar muzik, cuba teka silang kata, dan menonton TV	
Lakukan tugas-tugas mudah bersama (cth: Melipat pakaian, atau mengelap meja selepas makan)		Bergaul dengan orang lain
Berjalan-jalan, atau bermain permainan aktif	Berkebun, berjalan-jalan, atau melawat rakan	Bersedia untuk tidur
	Tidur seketika	



## 4. Aktiviti yang Anda Boleh Lakukan Bersama Orang Tersayang yang Menghidap Demensia

Berikut adalah beberapa petua bagaimana anda dapat melibatkan orang tersayang yang mengalami demensia melalui aktiviti:



- 1** **Pilih aktiviti** yang serupa dengan aktiviti yang selalu mereka seronok lakukan.



- 2** **Tumpu pada kekuatan mereka.** Fokus pada apa yang dapat dilakukan oleh orang tersayang dan bukan pada perkara yang tidak dapat mereka lakukan.



- 3** **Berkomunikasi** dengan mereka secara lisan dan juga tanpa lisan. Sentiasa berikan masa untuk menjawab dan kurangkan pilihan jika ia boleh menyebabkan kesukaran atau kebingungan.



- 4** Pastikan kawasan itu **selesa dan sesuai** - perhatikan cahaya yang mencukupi, pastikan ada ruang selesa untuk bergerak, dan kawasan sekeliling yang tidak terlalu bising.



- 5** **Awasi tanda-tanda** keletihan atau kelihatan tertekan - tanya orang tersayang jika beliau perlu kerap berehat.

Layari [www.dementiahub.sg](http://www.dementiahub.sg) atau imbas kod QR ini untuk maklumat lanjut.



## Melibatkan mereka dalam menguruskan rumah

Orang yang mengalami demensia sering menghabiskan banyak masa di sekitaran rumah. Membolehkan mereka mainkan peranan dalam menguruskan rumah membuatkan mereka rasa diri mereka diperlukan. Berikut adalah beberapa contoh bagaimana mereka dapat membantu di rumah:

**Peringkat Awal**



**Peringkat Sederhana**



**Peringkat Melarat**



- Menanam pokok
- Memindahkan tanaman kecil ke dalam pasu yang lebih besar
- Melipat kain
- Membersihkan tingkap
- Menyusun peralatan makan
- Menyusun resipi dan mencari gambar untuk ilustrasi
- Membuat hidangan biasa dan ringkas
- Memilih dan menyusun foto dalam album foto
- Membuat buku skrap

- Melipat tuala
- Membilas pakaian
- Menyusun cat kuku dan gincu mengikut pilihan warna
- Menyusun bekas mengikut saiz dan/ atau warna
- Mencuci sayur, buah-buahan segar
- Mencuci dan menyediakannya makanan segar untuk kegunaan
- Mencabut rumput
- Menyiram tanaman
- Membuat kolaj foto

- Melihat foto lama
- Memerhati dan berbual
- Menikmati kebun melalui pandangan, bau dan sentuhan

# Autobiografi - Meninjau pengalaman mereka


## Demensia Peringkat Awal hingga Peringkat Sederhana

Selalunya, kita hanya mengenali orang yang kita sayangi seperti apa yang kita lihat mereka sekarang, dan gagal memahami bahawa mereka mempunyai kenangan yang unik dan tersendiri.



Autobiografi sangat berguna untuk rangsangan kognitif pada orang yang mengalami demensia. Walaupun ia khusus untuk identiti mereka, ini juga membantu penjaga memahami mereka di luar keadaan mereka, membolehkan penjagaan diberi dengan cara yang positif dan fokus kepada mereka. Ia merakam sejarahnya, kegemaran dan juga yang tidak disukai mereka, dan juga membantu anda memahami orang tersayang dengan lebih baik. Ia juga peluang baik untuk melibatkan ahli keluarga yang lain dalam projek ini untuk mengeratkan hubungan mereka.





## Petua

- Pilih format autobiografi - buku harian, buku skrap, video, rakaman audio  
- mengikut kemampuan mental orang tersayang untuk berkomunikasi dan berinteraksi menggunakan.
- Aktiviti ini hanya sesuai untuk orang yang mengalami demensia tahap ringan hingga sederhana.
- Gunakan autobiografi untuk mengingatkan mereka yang mengalami demensia siapa diri mereka.
- Sekiranya orang itu sukar berkomunikasi dengan kata-kata, gunakan foto dan gambar untuk autobiografi.
- Sesuaikan aktiviti mengikut kemampuan orang tersayang.

Berikut adalah beberapa petua untuk merakam cerita dari orang tersayang:

- Tanya soalan dengan jelas dan perlahan dengan ayat pendek dan perkataan mudah. Ulangi soalan jika perlu.
- Berbual seperti biasa; ini bukan soal siasat.
- Menjaga hubungan mata dan menunjukkan minat dengan condong ke depan dan mengangguk.
- Jangan mengganggu mereka atau membetulkan apa yang mereka katakan.
- Elakkan topik yang boleh menyebabkan kesedihan.
- Pastikan perbualan pendek dan mudah, dan lakukan dalam persekitaran yang biasa.
- Pada akhir perbualan, ucapkan terima kasih kepada orang tersayang untuk menunjukkan bahawa anda menghargai apa yang telah mereka kongsi.

Soalan-soalan yang boleh digunakan untuk autobiografi boleh berkisah pada masa lalu dan masa-masa penting dalam hidup mereka. Berikut adalah soalan panduan.



### Zaman kanak-kanak

1. Bolehkah anda memberitahu kami mengenai masa kecil anda?
2. Apakah kenangan di sekolah anda?
3. Apakah subjek kegemaran anda?
4. Apakah kemahiran anda?
5. Apakah aktiviti atau permainan kegemaran anda?
6. Apakah kenangan paling menggembirakan dari zaman kanak-kanak?



### Zaman bekerja

1. Apakah pekerjaan pertama anda?
2. Di manakah anda bekerja?
3. Macam mana dengan kerja ini? Adakah anda bertukar ke kerja lain?
4. Sekiranya anda balik semula ke masa dulu, adakah anda akan buat kerja yang sama atau kerja lain?
5. Apakah kenangan berharga tentang pekerjaan anda?




## Hubungan

1. Siapa yang sangat bermakna dengan anda? Siapa yang paling dekat dengan anda? (Sebagai panduan: rakan dan keluarga)?
2. Berapakah bilangan ahli keluarga anda? Apa nama dan hubungan mereka dengan anda?
3. Adakah anda mempunyai haiwan peliharaan?



## Tempat

1. Dimanakah tempat lain yang paling selesa selain dari rumah?
2. Apakah kenangan di tempat tinggal yang paling menggembirakan dan paling lama menetap? (Sebagai panduan: bangunan, desa, orang tempatan dan masyarakat.)
3. Adakah tempat-tempat lain yang penting? (Sebagai panduan: tempat percutian, tempat di mana acara tertentu dilangsungkan, dll. Sertakan gambar atau poskad.)



## Minat dan Aktiviti Sosial

1. Apakah yang anda suka lakukan di masa lapang?
2. Apakah jenis muzik yang anda gemari? (Sertakan beberapa lagu/muzik kegemaran.)
3. Apakah saluran radio atau program TV yang anda minati?
4. Apakah makanan dan minuman kegemaran anda?



## Orang yang penting bagi saya sekarang

1. Siapakah orang yang terpenting dalam hidup anda pada masa ini? (Sertakan nama dan hubungan dengan anda.)

# Aktiviti yang mengenang kembali zaman silam

## Mengenang kembali boleh dilakukan dengan pelbagai cara

Ia dapat dilakukan melalui perbualan, melihat foto dan video keluarga, atau mengunjungi tempat-tempat kegemaran mereka. Tidak kira bagaimana aktiviti ini dilakukan, penting untuk orang tersayang diberi masa dan kesabaran untuk mengingat kembali.

Tunjukkan bahawa anda benar-benar ingin tahu kisah mereka dan tunjukkan minat anda. Sekiranya mereka mengingati beberapa peristiwa yang anda juga terlibat, anda boleh berkongsi dari perspektif anda dan menambah lebih dimensi dalam cerita tersebut.

Kami juga telah memasukkan beberapa topik perbincangan yang boleh anda bertanya kepada orang tersayang.

### Topik yang boleh dibualkan:

<input checked="" type="checkbox"/> Tarikh dan tempat lahir	<input checked="" type="checkbox"/> Kehidupan keluarga dan datuk nenek	<input checked="" type="checkbox"/> Makanan dan memasak
<input checked="" type="checkbox"/> Permainan kanak-kanak & masa lalu	<input checked="" type="checkbox"/> Perkara, makanan, lagu kegemaran	<input checked="" type="checkbox"/> Impian dan cita-cita
<input checked="" type="checkbox"/> Pencapaian	<input checked="" type="checkbox"/> Muzik	<input checked="" type="checkbox"/> Semasa perang
<input checked="" type="checkbox"/> Cinta dan perkahwinan	<input checked="" type="checkbox"/> Kerja	<input checked="" type="checkbox"/> Teman-teman
<input checked="" type="checkbox"/> Penyesalan	<input checked="" type="checkbox"/> Cuti	


# **Seni & Kraftangan - Sambung semula lukisan**

## **Demensia tahap awal dan sederhana**

Aktiviti seni dan kraftangan bermanfaat bagi orang tersayang kerana ia mendorong menggunakan kreativiti mental.

Keupayaan untuk belajar tentang reka bentuk menerusi kebebasan meluahkan kata-kata dan ekspresi visual boleh merangsang dan menenangkan otak.

Walaupun ini memerlukan perencanaan untuk menghasilkan karya seni bersama, ia juga mendorong pemikiran, sekiranya proses melukis yang awal tidak menghasilkan apa yang diinginkan.



Alat yang diperlukan:

- ✓ Kertas lukisan - Sekiranya orang tersayang tidak biasa melukis, sekeping kertas besar mungkin menggerunkan. Anda boleh mulakan dengan menggunakan sekeping kertas kecil.
- ✓ Pena bermata tebal - Untuk menambah kreativiti, anda boleh sediakan pena bermata tebal pelbagai warna.

Cara:

1. Minta orang tersayang duduk atas kerusi dekat meja.
2. Beritahu bahawa permainan ini adalah untuk reka gambar dengan bergilir-gilir melukis di atas kertas.
3. Setiap orang dibenarkan 3 kali calitan. Sekiranya perlu, anda boleh melukis dulu sebelum menyerahkannya kepada orang tersayang untuk meneruskannya.
4. Selepas habis melukis, galakkan orang tersayang untuk berkongsi perasaannya tentang lukisan itu.

# **Seni & Kraftangan – Gelang manik berangkai**

## **Demensia tahap awal dan sederhana**


Merangkai manik menjadi gelang boleh penyelarasan tangan dan mata bertambah baik. Penggunaan manik berwarna merangsang deria penglihatan, selain rasa telah berjaya melakukan sesuatu apabila orang tersayang memakai dan rasa berhak bagi ciptaan ini.

Alat yang diperlukan:

- Manik besar, lebih baik berwarna terang
- Tali, lebih baik dengan keanjalan
- Mangkuk besar dengan manik yang sudah disusun

Cara:

1. Tunjukkan gelang yang sudah lengkap.
2. Ukur dan potong panjang tali yang diperlukan.
3. Ikat simpul di salah satu hujung tali.
4. Menyusun manik sepanjang tali. Mereka boleh memilih warna dan susunan mereka sendiri untuk mereka rangkaikan.
5. Ikat kedua-dua hujung tali setelah selesai.



Anda boleh membuat mereka menyusun dulu manik mengikut warna untuk menjadikan aktiviti lebih mencabar. Awasi penglihatan mereka dan manik yang dipilih harus berlubang besar untuk merangkai tali dengan mudah. Sentiasa pertimbangkan untuk menunjukkan contoh sekiranya mereka sukar ikut arahan.

# **Senaman**

## **Aktif secara fizikal**

Aktif secara fizikal bukan hanya membantu orang tersayang dikelihatan menarik dan ceria, tetapi juga membantu mereka mengekalkan kemampuan semasa mereka untuk berfungsi, mengurangkan risiko terjatuh, dan mengekalkan fungsi kognitif dan kesihatan kardiovaskular mereka.

Lembaga Penggalakan Kesihatan (HPB) mengesyorkan semua individu mengambil bahagian dalam aktiviti seperti berjalan kaki. Rujuk kepada ahli fisioterapi bagi program senaman yang sesuai dengan keperluan mereka.

## **Berjalan**

Galakkan dan temankan orang tersayang untuk berjalan selama 30 minit, dua hingga tiga kali seminggu. Ini boleh membantu menjaga kesihatan mereka secara fizikal dan mental.

## **Bermain bola**

Campakkan bola lembut kepada orang tersayang anda dan suruh mereka mencampakkannya kembali kepada anda. Ini membantu meningkatkan penyelarasan tangan-mata. Aktiviti boleh dilakukan dengan berdiri atau duduk. Sesuaikan jarak antara anda dengan orang tersayang sesuai dengan keupayaannya.

## **Latihan Pasif**

Sekiranya mereka tidak dapat melakukan latihan seperti di atas, galakan mereka meneruskan rutin harian mereka untuk mengekalkan kemampuan mereka berdikari.



Pada demensia tahap melarat, penjaga mungkin harus melakukan latihan pasif bagi mereka. Latihan dengan orang tersayang ini boleh dilakukan dua hingga tiga kali sehari untuk mengelakkan sendi dan otot mereka kaku. Sendi dan otot yang kaku boleh menyebabkan ketidakselesaan atau kesakitan bagi mereka.

## Keselamatan sangat penting!

- ✓ Lakukan senaman dengan di pantau
- ✓ Jangan menahan nafas anda semasa bersenam
- ✓ Pakai kasut yang sesuai semasa bersenam
- ✓ Semasa melakukan senaman duduk, duduk di kerusi yang stabil, sebaiknya ada ruang meletak tangan
- ✓ Semasa melakukan senaman dalam posisi berdiri, letakkan kerusi yang stabil di belakang supaya ada sesuatu untuk dipegang
- ✓ Hentikan senaman dengan segera sekiranya ia menyebabkan kesakitan dan berjumpa doktor atau ahli fisioterapi
- ✓ Jangan bersenam jika mereka berasa tidak sihat

Pada tahap awal, anda boleh menggalakkan orang tersayang anda untuk terus ikut aturan senaman semasa mereka atau menggalakkan mereka menyertai kelas seperti Tai Chi atau menari. Pada tahap sederhana, mungkin sukar untuk terus menghadiri kelas. Berikut adalah beberapa latihan yang juga boleh dilakukan di rumah:

## Senaman bagi peringkat sederhana



### Duduk-berdiri

1. Duduk di atas kerusi dengan kaki di lantai. Pergelangan kaki harus diletakkam sedikit di belakang lutut.
2. Naikkan tumit perlahan-lahan, bengkok di pinggul, bertengang dan berdiri.
3. Pastikan sama berat antara kedua-dua kaki.
4. Ulangi 10\* kali.



### **Angkat kaki**

1. Duduk dengan belakang badan disokong dengan kerusi.
2. Angkat kaki ke atas.
3. Jangan biarkan paha berpusing ke luar atau badan membongkok ke belakang.
4. Sekiranya perlu, gunakan tangan untuk membantu.
5. Ulangi 10\* kali untuk setiap satu kaki.



### **Angkat lutut**

1. Duduk diatas kerusi.
2. Luruskan lutut satu per satu dan kemudian bengkokkan kembali perlahan-lahan.
3. Ulangi 10\* kali setiap kaki.



### **Latihan pergelangan kaki**

1. Angkat kaki berganti-ganti dengan tumit tetap di lantai.
2. Ulangi 10\* kali untuk setiap kaki.



### **Senaman bahu**

1. Sokong siku dan pergelangan tangan.
2. Angkat lengan.
3. Jangan melenturkan atau depangkan lengan sekiranya merasa sakit.
4. Berhati-hati agar tidak tertarik lengan.
5. Ulangi 10\* kali untuk setiap lengan.



### **Gerakkan siku**

1. Bengkokkan dan luruskan siku.
2. Ulangi 10\* kali setiap lengan.



### **Senaman dan gerakkan pergelangan tangan**

1. Sokong bahagian atas dan bawah sendi pergelangan tangan.
2. Bengkokkan pergelangan tangan ke hadapan dan ke belakang.
3. Ulangi 10\* kali untuk setiap lengan.



### **Senaman dan gerakkan jari**

1. Sokong bahagian atas dan bawah sendi pergelangan tangan.
2. Bengkokkan jari ke hadapan dan ke belakang.
3. Ulangi 10\* kali untuk setiap lengan.



### **Senaman pinggul, lutut**

1. Letakkan satu tangan di bawah lutut dan tangan yang lain di bawah tumit.
2. Longsorkan kaki ke arah punggung.
3. Ulangi 10\* kali untuk setiap kaki.




### **Senaman ‘adductor’ pinggul**

1. Sokong di bawah lutut dan tumit.
2. Gerakkan seluruh kaki ke sisi.
3. Tahan selama 30 saat atau kurang.
4. Pastikan kaki orang tersayang selurus mungkin.
5. Ulangi 10\* kali untuk setiap kaki.



### **Senaman urat pelipat lutut (‘hamstring’)**

1. Sokong di bawah lutut dan tumit.
2. Angkat seluruh kaki ke atas, luruskan lutut.
3. Tahan selama 30 saat atau kurang.
4. Ulangi 10\* kali untuk setiap kaki.



### **Senaman betis**

1. Pegang tumit dengan kaki depan diletak pada lengan bawah orang yang membantu melakukan senaman.
2. Pegang kaki ke bawah dengan tangan yang lain.
3. Tolak kaki depan ke atas dengan perlahan (elakkan hanya menekan jari kaki) tanpa menimbulkan rasa sakit.
4. Tahan selama 30 saat.
5. Ulangi 10\* kali untuk setiap kaki.

\*10 ialah panduan am. Semak dengan ahli fisioterapi orang kesayangan anda tentang tahap aktiviti fizikal yang sesuai.

# Sesi Penjagaan Deria

Libatkan orang tersayang anda yang mengalami demensia tahap sederhana atau tahap sulit dengan menyiapkan ruang yang selesa untuk aktiviti yang bermakna. Di ruang ini, keluarga dan rakan dapat melibatkan orang tersayang melalui Sesi Penjagaan pelbagai deria:

## 1 Reka ruang yang selamat dan selesa

Sebaik-baiknya, sediakan bilik yang selamat untuk mereka. Sekiranya tidak ada ruang khas, anda boleh memasang tabir di ruang tamu atau ruang makan anda. Ruang atau bilik harus menjadi pengalaman deria bagi mereka, memberikan pengalaman pelbagai deria setiap kali mereka melangkah masuk.

Terdapat empat komponen lagi untuk pengalaman deria:



### Cahaya

Pilih bilik atau ruang yang tenang dengan cahaya dan pengaliran udara semula jadi yang mencukupi. Lampu yang terang boleh menyilaukan dan tidak selesa, oleh itu gunakanlah lampu yang kelam. Jika boleh, pilih warna selesa yang disukai orang tersayang untuk dinding, lang�ir, tabir, dll.



### Muzik

Mainkan muzik yang menenangkan dan santai. Cahaya terang boleh menyilaukan dan tidak selesa, jadi gunakan cahaya kelam. Muzik dapat mencetuskan kenangan dan meningkatkan mood mereka, memungkinkan hubungan lebih mendalam.



### Haruman

Harumkan bilik atau ruang dengan minyak pati lavender dan lemon, yang terbukti dapat mengurangkan kegelisahan dan keresahan orang yang mengalami demensia.



### Perabot yang sesuai

Sediakan kerusi yang selesa untuk mereka bersandar, dan selimut ringan untuk berasa selesa.

## 2 Pilih aktiviti yang berfaedah

Pilih aktiviti yang berfaedah untuk mereka apabila komunikasi lisan menjadi sukar bagi mereka. Semasa memperkenalkan aktiviti, luangkan masa untuk menerangkan dan menunjukkan kepada orang tersayang apa aktiviti tersebut, untuk mendapatkan tindak balas yang lebih positif.

Juga penting untuk menentukan aktiviti yang sesuai berdasarkan kemampuan dan pilihan mereka. Berikut adalah beberapa cth:



### Aktiviti multi-sensori

Membawa mereka ke dalam ruang yang tenang dan persendirian - Aktiviti pelbagai deria boleh dimulakan apabila orang tersayang masuk ke ruang tersebut. Pastikan mereka rasa dialu-alukan dengan memegang tangan mereka dan membantu mereka duduk dengan selesa di kerusi.

Ini juga boleh disusuli dengan pertanyaan mudah mengenai keadaan mereka untuk memulakan perbualan.

Perhatikan perubahan ekspresi dan belai tangan mereka dengan lembut. Sentuhan adalah cara asas untuk menyampaikan cinta.



### Aktiviti Kehidupan Harian (Activities of Daily Living - ADL)

ADL dapat memanfaatkan pengalaman yang bermakna. Cth, orang tersayang biasanya tidak mahu memotong kuku. Namun, di tempat yang selamat dan selesa ini, mereka akan merasa tenang dan ada kemungkinan mengikut kata kerana mereka menikmati suasana di sini.

Anda juga boleh memasukkan unsur kenangan seperti menggunakan haruman kegemaran mereka atau memainkan lagu-lagu lama untuk ceriakan suasana.



## Sediakan makanan dan minuman yang sesuai

Sediakan makanan dan minuman yang digemari kerana ini akan merangsang penglihatan, bau dan rasa mereka.

Gunakan ruang yang selamat dan selesa sebagai peluang untuk orang tersayang minum seteguk air di antara aktiviti, dengan itu memastikan penghidratan dan pengalaman pelbagai deria.



## Kuasa sentuhan penuh sayang

Sentuhan fizikal dikenali sebagai rangsangan paling kuat buat penghidap demensia tahap melarat. Ini adalah kaedah asas komunikasi manusia dan sebahagian daripada keperluan sepanjang hayat kita yang perlu dijaga, dipelihara, dihargai, dan disayangi.

Ini mungkin setakat memegang tangan orang tersayang, menawarkan belaian tangan, atau urutan; setakat menyikat rambut orang tersayang dengan lembut boleh menjadi pengalaman yang menceriakan dan bererti.

Layari [www.for.sg/namastecareaic](http://www.for.sg/namastecareaic) atau imbas kod QR ini untuk maklumat lanjut mengenai Namaste Care dan muat turun Set Peralatan Penjagaan Namaste untuk Penjaga.



<http://www.for.sg/namastecareaic>

## 3 Libatkan penjaga, keluarga dan rakan

Libatkan keluarga dan rakan tersayang dalam aktiviti ini. Dikelilingi orang yang berbeza untuk berinteraksi dengan mereka menambah pelbagai interaksi sosial mereka. Keluarga dan rakan boleh bergilir-gilir untuk melakukan aktiviti yang bermakna secara berterusan.

Semua orang yang terlibat juga dapat berjumpa secara tetap untuk membincangkan bagaimana memenuhi keperluan orang tersayang.

Layari [www.for.sg/dhubfamilysupport](http://www.for.sg/dhubfamilysupport) atau imbas kod QR ini untuk maklumat lanjut mengenai perbincangan keluarga untuk menjaga orang tersayang dengan lebih baik.



<http://www.for.sg/dhubfamilysupport>

## 4 Peralatan dan bekalan penting

Khususkan Sesi Penjagaan dengan peralatan yang dapat memudahkan aktiviti yang bermakna bagi mereka. Cth, penggunaan krim dan losyen tradisional yang kerap digunakan pada masa lalu yang boleh mengembalikan kenangan mereka. Berikut adalah beberapa cadangan lain:

<b>Tuala muka</b>	Untuk mengelap dan membersihkan
<b>Krim pelembab</b>	Untuk melembapkan kulit orang tersayang
<b>Kepingan kapas</b>	Untuk membersihkan bahagian muka orang tersayang dengan lembut
<b>Minyak yang tidak ada kesan sampingan (hypoallergenic) untuk mengurut</b>	Untuk mengurut dan menggosok tangan orang tersayang dengan lembut
<b>Bekas sabun/pembersih tangan</b>	Untuk mencuci dan membersihkan orang tersayang
<b>Berus rambut dan sikat</b>	Untuk memastikan mereka sentiasa kemas dan rapi
<b>Ketip kuku</b>	Untuk memotong dan menjaga kebersihan kuku orang tersayang
<b>Krim muka</b>	Untuk memastikan wajah orang tersayang anda sentiasa segar dan lembap <small>*Nota: Krim yang dijual secara tradisional boleh mengembalikan kenangan buat warga emas</small>
<b>Pelembab bibir</b>	Untuk menjaga kelembapan bibir orang tersayang anda
<b>Krim pencukur dan pencukur (Untuk lelaki)</b>	Untuk menjaga wajah orang tersayang terjaga dan bercukur



# 5. Diet dan Pemakanan



Apabila demensia semakin melarat, berat badan orang tersayang anda boleh menurun dan pemakanan menjadi tidak seimbang. Ini boleh disebabkan oleh kurang selera makan, kognitif menurun dan masalah tingkah laku.

## Diet - Makan yang menyihatkan

Makan makanan seimbang dan minum air yang mencukupi adalah penting untuk menjaga kesejahteraan fizikal dan mental. Mengamalkan diet Mediterranean boleh menurunkan risiko penurunan kognitif. Ini bermaksud makan lebih bijirin, buah-buahan, ikan dan sayur-sayuran.

Walaupun penting untuk menyediakan makanan secara tetap, sihat dan seimbang, anda juga harus memperhatikan persekitaran waktu makan. Oleh kerana makan adalah aktiviti sosial, mewujudkan suasana waktu makan yang selesa dapat membantu meningkatkan selera orang tersayang.

### Bagaimana anda boleh meningkatkan persekitaran makan?

- Makan bersama mereka.
- Kurangkan gangguan yang tidak perlu.
- Pastikan anda mempunyai pelbagai pilihan makanan.
- Warna makanan, pinggan, dan meja harus berbeza dan berlawanan.
- Elakkan menggunakan piring bercorak untuk mengelak kekeliruan.

### Bagaimana anda dapat tambah selera mereka?

- Biarkan mereka memilih apa yang mereka mahu makan.
- Sediakan makanan ringan biasa atau cemil-cemilan daripada menetapkan waktu makan yang ditetapkan.
- Jadikan rupa dan bau makanan menjadi penarik perhatian - sediakan makanan yang pelbagai rasa, warna dan aroma.
- Jangan terlalu penuhkan pinggan dengan terlalu banyak makanan. Jumlah yang sedikit dan biasa mencukupi.
- Galakkan mereka turut sibuk pada waktu makan, seperti meminta mereka membantu dalam menyediakan makanan.
- Jemput orang yang biasa ditemui untuk menemani masa makan.


## Makan dengan baik

Makan makanan berkhasiat yang seimbang adalah penting untuk kesihatan secara keseluruhan. Kunci utama hidangan yang sesuai bagi penghidap dementia tidak semestinya diet khusus, tetapi berikan kepelbagaiannya, seimbang dan sederhana. Oleh kerana mereka cenderung makan sedikit, mereka akan memerlukan lebih banyak vitamin dan mineral untuk menyokong pemakanan mereka.

### Berapa banyak untuk makan?



**1/2 semangkuk nasi**



**2 keping roti**



**1 pisang saiz sederhana**



**4 keping biskut**



**2 kiub tauhu**



**3/4 cawan sayur**

## Minum dengan cukup



Keperluan air untuk orang dewasa lebih tua sama dengan orang dewasa lebih muda. Orang dewasa lebih tua, bagaimanapun, cenderung minum sedikit daripada yang diperlukan oleh badan mereka kerana beberapa sebab.

Dengan usia meningkat, tubuh kehilangan daya mengesan dahaga. Sebilangan orang dewasa yang lebih tua juga lemah ingatan, kurang pergerakan, atau sakit - semuanya boleh mengakibatkan pengambilan cecair menurun.

Selain itu, ubat-ubatan tertentu juga dapat mengganggu rasa penghidratan dan/atau rasa dahaga.

### Petua untuk meningkatkan pengambilan cecair minuman



